



MAJLIS DAERAH TUMPAT
JALAN TANJUNG KUALA, 16200 TUMPAT, KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN

**TAWARAN PAJAKAN PUNGUTAN HASIL PENGGUNAAN TANDAS AWAM
DI PASAR SUMAYYAH, PASAR BESAR WAKAF BHARU, KAWASAN BEBAS CUKAI
PENGKALAN KUBOR, PANTAI SRI TUJUH, PADANG KEMAHKOTAAN, TANDAS AWAM
BERSEBELAHAN GERAJ MDT KAMPUNG LAUT, DAN DATARAN PANTAI GETING BAGI
TAHUN 2026**

BIL.	KETERANGAN KERJA	BAYARAN DEPOSIT TAWARAN
1.	Pajakan Pungutan Hasil Penggunaan Tandas Awam di Pasar Sumayyah, Bandar Bentara Tumpat. MDT.D582 (02) 807/1/KLT.VII	RM 50.00
2.	Pajakan Pungutan Hasil Penggunaan Tandas Awam di Pasar Besar Wakaf Bharu, Tumpat. MDT.D582 (02) 807/3/KLT.VIII	RM 50.00
3.	Pajakan Pungutan Hasil Penggunaan Tandas Awam di Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor, Tumpat. MDT.D582 (02) 807/9 /KLT.VIII	RM 50.00
4.	Pajakan Pungutan Hasil Penggunaan Tandas Awam di Pantai Sri Tujuh, Tumpat. MDT.D582 (02) 807/11/KLT.VII	RM 50.00
5.	Pajakan Tandas Awam di Padang Kemahkotaan Tumpat MDT.D582 (02) 807/12/KLT.IV	RM 50.00
6.	Pajakan Tandas Awam Bersebelahan Gerai MDT Kampung Laut, Tumpat MDT.D582 (03) 807/15/KLT.IV	RM 50.00
7.	Pajakan Tandas Awam di Dataran Pantai Geting, Tumpat MDT.D582 (02) 807 / 14 / KLT. IV	RM 50.00

- 1.1. Penawar hendaklah menawarkan harga pajakan bulanan. Harga tawaran pajakan hendaklah dikemukakan dalam borang tawaran yang disediakan.

- 1.2. Borang tawaran boleh didapati di Bahagian Pelesenan, Kebersihan dan Kesihatan Awam Majlis Daerah Tumpat bermula **28hb Oktober 2025 sehingga 05hb November 2025** dengan harga RM 50.00 senaskah pada hari bekerja (Ahad - Khamis) dari jam 9.00 pagi hingga jam 3.00 petang.
- 1.3. Borang tawaran yang diisi lengkap yang disertakan **satu (1) salinan kad pengenalan dengan pendua resit deposit tender yang berharga RM 50.00** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermetri serta ditulis dengan terang di atasnya dengan perkataan **TAWARAN PAJAKAN PUNGUTAN HASIL PENGGUNAAN TANDAS AWAM TAHUN 2026 (SEBUTKAN NAMA TANDAS AWAM BERKENAAN)** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga sebelum atau pada hari **KHAMIS, 13hb NOVEMBER 2025 SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI**. Tawaran yang diterima selepas daripada tarikh dan masa tersebut tidak akan dilayan.

2. DEPOSIT TANDAS

- 2.1. Tiap-tiap tawaran hendaklah disertakan dengan deposit berjumlah **RM 50.00 (RINGGIT MALAYSIA LIMA PULUH SAHAJA)**. Jumlah ini hendaklah dibayar dalam bentuk wang tunai di Bahagian Kewangan dan Perbendaharaan, Majlis Daerah Tumpat.
- 2.2. Jika pemajak enggan menandatangani perjanjian selepas tendernya disetujui terima atau menarik balik pajakannya sebelum keputusan dibuat maka deposit pajakannya akan dijadikan hasil Majlis.
- 2.3. Deposit pajakan akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya. Manakala deposit pajakan yang berjaya akan disimpan sebagai jaminan bagi menyempurnakan segala syarat-syarat sehingga tamat tempoh pajakan itu.

3. SYARAT-SYARAT TAWARAN

- 3.1. Pemajak hendaklah bersedia dan mampu atau mempunyai kemudahan untuk membayar wang deposit cagaran yang bersamaan 2 bulan harga pajakan dan bayaran pendahuluan pajakan untuk bulan pertama.
- 3.2. Pemajak yang berjaya dikehendaki menandatangani surat perjanjian dengan Majlis Daerah Tumpat.
- 3.3. Pemajak tidak dibenarkan memungut kutipan hasil daripada pengguna melebihi kadar yang ditetapkan oleh Majlis Daerah Tumpat.
- 3.4. Pemajak hendaklah menanggung sendiri segala caruman wang simpanan pekerja (KWSP), insuran keselamatan pekerja dan apa-apa bayaran yang dikehendaki oleh undang-undang mengenai pekerja atau orang yang digajinya.
- 3.5. Pemajak adalah bertanggungjawab menjaga keselamatan peralatan dan kelengkapan Majlis Daerah Tumpat yang terdapat di dalam tandas awam tersebut.

- 3.6. Pemajak adalah bertanggungjawab di atas kebersihan tandas yang dipajak dan mengambil sebarang langkah yang perlu untuk menjaga kebersihan tandas itu sehingga Yang Dipertua Majlis Daerah Tumpat berpuas hati. Pihak Majlis Daerah Tumpat akan menjalankan kerja-kerja pembersihan dari masa ke semasa jika didapati pihak pemajak tidak menjalankan kerja-kerja itu dengan memuaskan dan segala perbelanjaan bagi kerja-kerja tersebut hendaklah ditanggung oleh pemajak.
- 3.7. Pemajak hendaklah menjelaskan bayaran bil elektrik, air dan sewa meter tiap-tiap bulan selama tempoh pajakan.
- 3.8. Pemajak hendaklah mengemukakan salinan fotostat bil elektrik, air dan sewa meter yang telah dijelaskan tiap-tiap bulan kepada Majlis Daerah Tumpat.
- 3.9. Pemajak bertanggungjawab ke atas segala urusan dan bayaran penyedutan najis jika tangki najis telah penuh.

4. SPESIFIKASI DAN KADAR KUTIPAN

- 4.1. Penender hanya dibenar memungut RM0.50 untuk buang air (air besar dan kecil) dan RM1.00 (untuk mandi bagi setiap kali penggunaan tandas). Notis mengenai bayaran hendaklah dilekat di tempat-tempat yang mudah dilihat di luar tandas.
- 4.2. Tandas hendaklah dibuka sepanjang masa yang ditetapkan oleh pihak Majlis dan masa-masa tersebut akan diberitahu kelak.
- 4.3. Segala kerosakan peralatan atau benda-benda yang terdapat dalam tandas adalah tanggungjawab penender untuk ditukar ganti dan semua peralatan yang ditukar hendaklah sama jenis atau diluluskan oleh pihak Majlis Daerah Tumpat.

5. PEMBAYARAN PAJAKAN

- 5.1. Bayaran pajakan bulanan mestilah dijelaskan pada tiap-tiap atau sebelum 7hb. bagi bulan berkenaan.

6. DEPOSIT CAGARAN

- 6.1. Penender yang berjaya hendaklah membuat bayaran deposit cagaran yang bersamaan dengan dua (2) bulan harga pajakan dan bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk wang tunai. Bayaran deposit cagaran ini hendaklah dijelaskan sebelum mula menjalankan pajakan


7. PENERIMAAN TAWARAN SEBUT HARGA

- 7.1. Majlis Daerah Tumpat tidak terikat menerima tawaran yang tinggi atau mana-mana tawaran.
- 7.2. Pemajak akan diberi surat kuasa bagi memungut hasil sebanyak yang ditetapkan oleh Majlis Daerah Tumpat daripada orang ramai yang menggunakan tandas tersebut.

Sekian, terima kasih.

“ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ROSLI BIN MOHAMED)

Setiausaha

b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Tumpat

Ruj. Fail: MDT.D582 (02) 807/1/ KLT.VII
MDT.D582 (02) 807/3/KLT.VIII
MDT.D582 (02) 807/9 /KLT.VIII
MDT.D582 (02) 807/11/KLT.VII
MDT.D582 (02) 807/12/KLT.IV
MDT.D582 (03) 807/15/KLT.IV
MDT.D582 (02) 807/14/KLT. IV

Bertarikh : 19hb Oktober 2025

s.k: Semua Yang Dipertua
Majlis-Majlis Daerah, Kelantan

Semua Ketua-ketua Pejabat/Jabatan

Semua Ahli Majlis
Majlis Daerah Tumpat